

26 OCT 2002

Aids/I

WANITA PERLU LINDUNGI DIRI DARIPADA AIDS, KATA MARINA

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 26 Okt (Bernama) -- Presiden Majlis AIDS Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir berkata adalah penting untuk wanita melindungi diri mereka daripada AIDS khasnya dalam persekitaran yang menindas mereka.

Di peringkat global, insiden AIDS di kalangan lelaki dan wanita adalah lebih kurang sama, kata beliau, tetapi di Malaysia bilangan itu berat sebelah dengan 90 peratus daripada mereka yang dijangkiti ialah lelaki dan hanya 10 peratus adalah wanita.

Beliau menyatakan kebimbangan berhubung peningkatan dalam bilangan wanita yang mendapat AIDS daripada suami mereka dan mereka mungkin tidak menyedarinya sehingga hamil dan diuji positif.

"Wanita tidak menonjol" khasnya mengenai AIDS, kata beliau dalam ceramah yang dianjurkan oleh Pertubuhan Malaysia-Amerika.

Marina akan berada di Amerika Syarikat sehingga hujung November untuk berceramah di pelbagai tempat di negara itu mengenai epidemik AIDS di Asia di bawah biasiswa Fulbright.

Marina mengakui kesukaran yang dialami dalam mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa agama di Malaysia dalam memerangi wabak AIDS kerana aib yang dibawa penyakit itu yang lazimnya berpunca kerana penyalahgunaan dadah dan amalan seks bebas - "Kami dibidas kerana membantu mereka yang tidak bermoral."

Bagaimanapun satu lawatan ke Uganda bersama lapan Mufti dari Malaysia telah membuka mata mereka akan peranan yang boleh dimainkan oleh imam dalam berbincang mengenai AIDS dan langkah pencegahannya, kata beliau lagi.

Di Kelantan dan Terengganu, di mana insiden HIV adalah tinggi, "kami sedang berusaha secara senyap di peringkat akar umbi, tetapi ia bukan mudah," kerana kongkongan undang-undang agama PAS, yang menyebabkan wanita tidak mahu tampil ke depan, katanya.

-- BERNAMA

SH AZZ PR